

TARIKH : 12/2/23

SURAT KHABAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 12

## Pasaran buruh tempatan beri peluang pekerjaan **249,044 individu dapat kerja di MYFutureJob**

Oleh **MUHAMMAD NAJIB AHMAD  
FUAD**

**KUALA LUMPUR** – Seramai 294,044 daripada 879,601 pencari kerja berjaya memperoleh pekerjaan melalui portal pekerjaan *MYFutureJobs* di bawah kendalian Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada tahun lalu.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, perkembangan itu selaras dengan pengukuhan pasaran buruh tempatan yang terus menjana peluang pekerjaan berkualiti untuk bakat tempatan serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

“Perkhidmatan pekerjaan dan pelbagai Program Pasaran Buruh Aktif yang dilaksanakan Perkeso menerusi portal pekerjaan

*MYFutureJobs* akan terus memainkan peranan penting dalam memperkasakan pasaran buruh negara dan membantu rakyat memperoleh pekerjaan.

“Hasil daripada inisiatif yang dilaksanakan, kita dapat lihat pasaran buruh Malaysia bertambah baik pada suku ketiga 2022, berikutan peralihan negara ke fasa endemik, disokong oleh pengukuhan permintaan domestik dan pembukaan semula sempadan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya *MYFutureJobs* 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini semalam.

Turut hadir, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud.

Tegasnya, pekerjaan disediakan portal *MYFutureJobs* adalah percuma dan ini termasuk pengiklanan jawatan kosong oleh majikan serta aktiviti berkaitan carian dan penempatan pekerjaan untuk pencari kerja.

Beliau berkata, seramai 1,4,114 suri rumah telah mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang mula diperkenalkan pada 1 Disember hingga 31 Januari lalu.

Katanya, daripada jumlah tersebut, seramai 135,281 orang adalah suri rumah yang berdaftar dengan e-kasih dan mencarum dengan i-Suri KWSP; di mana caruman SKSSR mereka ditaja kerjaya selama setahun di bawah peruntukan Bajet 2022.



**SEBAHAGIAN** pengunjung yang hadir pada Karnival *MYFutureJobs* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.  
– AMIR KHALID